

# Malaysia ideal bagi kempen jadikan perang satu jenayah

Um - 10/11/2007

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Malaysia sebagai contoh sebuah negara yang memiliki pelbagai kaum serta agama yang berbeza dan sebuah negara yang tidak pernah terbabit dalam kancah peperangan, berada pada kedudukan yang baik untuk memperjuangkan kempen menjadikan perang sebagai satu jenayah, kata ketua sebuah pertubuhan badan bukan kerajaan di sini hari ini.

Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just) Dr. Chandra Muzaffar berkata, Malaysia juga berada pada kedudukan yang baik untuk menjayakan kempen ini berbanding lain-lain negara ekoran catatan rekod keganasan yang rendah dalam negara, dan oleh itu sudah tiba masanya bagi negara untuk bergerak lebih aktif ke arah menjayakan usaha ini.

"Memang benar Malaysia kurang aktif menjayakannya sebelum ini, sebahagiannya disebabkan kita memberi banyak tumpuan kepada lain-lain isu yang bersifat lebih segera, seperti kenaikan tol dan sebagainya.

"Tapi apa yang seharusnya kita lakukan ialah terus berusaha dalam isu-isu yang bersifat segera, dan pada masa yang sama melaksanakan kempen untuk menjadikan perang sebagai satu jenayah dengan lebih aktif," katanya semasa dihubungi *Bernama*.

Beliau berkata, demikian semasa diminta mengulas tentang satu persidangan di sini Februari ini bagi memupuk idea untuk menjadikan perang sebagai satu jenayah, sebagaimana yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Bagaimanapun Dr. Chandra berkata, idea itu bukan satu perkara baru dan sudah dibincangkan sejak sekian lama.

"Malaysia atau Tun Dr. Mahathir bukanlah pihak pertama yang bercakap tentang perang sebagai satu jenayah... ia dimulakan lama dahulu oleh pemikir, ahli falsafah dan negara-negara lain sebelum ini.

"Tapi kita (umat manusia) tidak dapat bergerak ke arah mencapai objektif itu kerana pihak yang kuat sentiasa bergantung kepada keganasan untuk memeras pihak yang lemah," katanya.

"Tapi ini tidak bererti yang kita patut berhenti. Ia adalah idea yang baik (untuk mengadakan persidangan) dan saya gembira apabila Tun Dr. Mahathir turut berkempen untuk isu ini," tambahnya.

Merujuk kepada persidangan itu, Dr. Chandra berkata beliau juga berharap persidangan kali ini akan disusuli dengan tindakan lebih konkrit.

"Selepas tamat persidangan bulan Februari ini, kita tidak seharusnya menunggu sehingga persidangan berikutnya untuk bercakap tentang usaha menjadikan perang sebagai jenayah," katanya.

"Saya berharap kali ini mereka akan melakukan sesuatu yang melangkaui persidangan itu, seperti berkempen menggesa negara-negara tertentu untuk diumumkan sebagai zon bebas senjata dan berkempen menentang perbelanjaan besar ketenteraan... kempen-kempen yang berkaitan dengan isu-isu perang," tambahnya.

- **Bernama**